

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
الْحُكْمُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ

## BAB 1

### PENDAHULUAN: PERNYATAAN KAJIAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Seni kaligrafi dianggap sebagai salah satu daripada cabang-cabang kesenian kaligrafi Islam yang mempunyai pertalian yang rapat dengan roh keislaman dan berperanan memancarkan cahaya peradaban umatnya. Ia merupakan persoalan yang sentiasa muncul, tumbuh, dan berkembang subur bersama perkembangan budaya dan peradaban Melayu menerusi ruang zamannya selepas melalui siri pembentukan, penyesuaian dan penghalusan yang selaras dengan nilai Islam.

Bidang seni kaligrafi Islam adalah bidang kesenian yang unik dan mempunyai identiti keislaman yang tersendiri, yang mencapai taraf keindahan dan daya estetika yang tinggi serta mengagumkan. Keindahan seni kaligrafi paling rapat dengan jiwa dan cita rasa keislaman dan mempunyai hubungan yang langsung dengan masyarakat di negara-negara Timur Tengah, terutamanya orang-orang Arab dan Parsi.

Seni kaligrafi Islam merupakan salah satu ciri daripada aspek kehidupan masyarakat Melayu yang menjadi tunggak kepada suatu keperluan asas kemasyarakatan dalam kesenian Islam, khususnya di Malaysia. Rentetan daripada kehalusan rasa seni dan ketajaman daya pemikiran, manusia telah mencipta pelbagai seni tulisan yang unik sebagai lambang kepada perkataan yang dituturkan.

Masyarakat Melayu juga memberi penghormatan yang tinggi terhadap warisan seni kaligrafi Islam ini, memandangkan ia adalah suatu bidang seni rupa yang unggul bagi umat Islam. Seni kaligrafi mempunyai peranan yang utama dalam Seni Rupa Islam sebagai penggerak daripada semua bentuk seni rupa bergerak, dan memancarkan beraneka kegiatan kreatif tampak. Di kalangan masyarakat Melayu, bentuk seni rupa yang indah ini telah menjadi suatu bentuk pernyataan yang mempunyai nilai tradisi yang sebatи dengan kebudayaan kebangsaan.

Hal ini jelas apabila seni kaligrafi Islam telah melakari banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu, umpamanya ia digunakan untuk surat-menurut, menulis makalah, barang-barang perhiasan, ukiran, pada bangunan seperti masjid dan sebagainya. Pada keseluruhananya, manifestasi peradaban Islam yang muncul melalui seni kaligrafi telah menjadi kupasan perpaduan kualiti yang wujud di dalam al-Quran ke dalam gagasan estetik, iaitu floral dan geometri ke arah penzahiran suatu ketamadunan dan kehidupan masyarakat Melayu yang terunggul dan berunsur Islam.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN DAN PERMASALAHAN

Kaligrafi Islam atau khat di dalam literal bahasa Arab didefinisikan sebagai garisan atau tulisan yang indah (*tahsin al-khutut*). Sesuatu yang indah memerlukan daya kreativiti yang tinggi bagi merangkaikan bentuk-bentuk huruf dan garisan-garisan tersebut, untuk menghasilkan suatu bentuk tulisan yang tersusun dalam menyampaikan sesuatu mesej yang tertentu. Justifikasi yang diutarakan oleh garisan-garisan itu selalunya tidak sepi daripada asimilasi dekorasi kealaman atau *nature* iaitu bercorak floral dan geometri.

Dekorasi yang digarapkan melalui fenomena alam semulajadi ciptaan Allah menjadi unsur tabii yang tidak dapat dipisahkan daripada insan, yang juga merupakan sebahagian daripada alam dan intisarinya yang mempunyai aspek seni. Alam yang luas terbentang ini juga mempunyai unsur-unsur keindahan. Manusia sering terpesona dengan keindahan alam ini dan menjadi sumber untuk berkarya. Sesungguhnya dalam keindahan yang sejati itu tersimpan hakikat kekuasaan Tuhan.

Setiap hasil kesenian kaligrafi juga mempunyai tiga unsur utama, iaitu kebenaran, kesempurnaan, dan kebaikan atau keindahan. Ketiga-tiga unsur ini menjadi teori dalam kerangka pengukuran hasil seni. Sesuatu yang mendarangkan keburukan tidak dikategorikan sebagai seni. Dalam Islam, unsur-unsur ini terkandung dalam konsep keindahannya, iaitu *al-jamal*. Unsur-unsur ini dimanifestasikan kepada insan sebagai pancaran akal budi yang akan melahirkan hakikat paduan kerohanian, kebaikan, kebenaran, dan akal yang menuntut keilmuan dan intelek. Gagasan ini akan mencetuskan kesegaran dan peradaban yang tinggi, yang membentuk keperibadian insan serta menjadi cermin ketamadunan sesuatu bangsa.

Islam mengiktiraf kesenian sesuai dengan fitrah manusia sebagai makhlukNya yang sukakan keindahan dan kecantikan. Seni kaligrafi mempunyai perkaitan yang erat dengan Kalam Allah atau al-Quran, Kalam Rasul dan Kalam Hakim. Penulisan seni kaligrafi adalah penulisan yang menggunakan huruf-huruf yang digunakan dalam al-Quran dan fikrah tentang peri pentingnya menulis dan membaca yang memang merupakan suruhan al-Quran. Nas-nas al-Quran, Hadis-hadis Nabi dan kata-kata hikmah inteligensia sering dipetik dan dijadikan bahan dalam penulisan kaligrafi Islam.

Pengkajian kesenian kaligrafi sebagai salah satu intipati daripada seni rupa Islam ini bukan sekadar berhasrat memaparkan aspek kesenian Islam yang kaya dengan nilai keindahan yang mendasari prinsip tauhid kepada Yang Maha Agung, tetapi lebih jauh daripada itu, iaitu untuk mengasosiasikannya dengan kebangkitan sesebuah tamadun manusia melalui kegiatan intelektual yang gemilang. Walaupun terdapat banyak penulisan ilmiah mengenai kesenian ini oleh inteligensia dalam negeri mahupun luar negeri, namun ia tidak secara langsung menjurus kepada topik yang menjadi pengkajian penulis.

Penulisan ini juga amat sejajar dengan gagasan kecemerlangan dan kemajuan umat Islam mutakhir yang sedang berhadapan dengan kegawatan dan keruntuhan nilai kemanusiaan dan akhlak, dalam tamadun moden yang mengikut paradigma Barat. Penulisan ini diharap turut memberi saham kepada nahdah Islamiah yang dilihat dari pelbagai perspektif yang membawa kepada pencetusan tamadun Melayu Islam di Malaysia.

Perkembangan seni kaligrafi Islam dan perspektif sejarah bermula sejak kedatangan agama Islam di Tanah Arab melalui wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Lama-kelamaan tulisan menjadi bertambah penting untuk menulis sesuatu perjanjian, menulis al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. Ini terbukti setelah Rasulullah s.a.w telah mengarahkan beberapa orang sahabat untuk menulis wahyu yang diturunkan kepada baginda. Melalui ilham dan kreativiti umat Islam, tulisan ini akhirnya menjadi suatu seni lakaran yang indah dan halus, yang dikenali sebagai kaligrafi atau seni khat Islam.

Malaysia, sebagai sebuah negara Islam, memperlihatkan perkembangan kaligrafi Islam mempunyai perkaitan yang rapat dengan tulisan Arab dan tulisan Jawi yang dibawa bersama dengan kedatangan agama Islam ke Alam Melayu. Kenyataan ini berdasarkan penemuan tulisan Arab yang tertera pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 4 Rejab 702 bersamaan 22 Februari 1303 M. Pertumbuhan seni kaligrafi Islam ini adalah seiringan dengan kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu.

Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu telah merubah segala warisan adat resam, bahasa, dan tulisan orang-orang Hindu-Buddha yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Mereka mula mengalihkan perhatian kepada agama baru yang lebih diyakini dan menyerapkan unsur-unsur dan ajaran Islam ke dalam semua aspek kehidupan.

Masyarakat Melayu mula mengadaptasikan unsur-unsur Islam ini melalui kemunculan tulisan atau kaligrafi yang diukir secara nyata atau gayaan sahaja, dan sekaligus telah merubah reka bentuk dan reka corak seni rupa Melayu-Islam. Ini terbukti dengan wujudnya beberapa penggunaan meluas seni kaligrafi Islam di Malaysia, umpamanya dalam aspek senibina masjid dan bangunan, barang-barang hiasan seperti tembikar, ukiran kayu, batu nisan, matawang, senjata dan sebagainya, yang akan dijelaskan secara lebih lanjut dalam Bab 4.

Pendominasian seni kaligrafi yang meluas dalam aspek kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia sebenarnya telah mencetuskan identiti sebuah ketamadunan Melayu Islam yang unggul di rantau ini. Namun, tidak semua anggota masyarakat Melayu yang menyedari hakikat kehalusan seni kaligrafi Islam dalam lingkaran kehidupan mereka. Sebenarnya kehalusan seni kaligrafi Islam itu mencerminkan tahap ketinggian dan kemajuan tamadun Melayu Islam itu sendiri. Ini kerana kaligrafi Islam mengandungi

sejuta rahsia yang mengungkap kehalusan dan kreativiti masyarakat Melayu yang dikaitkan dengan aspek kesenian.

Citra kaligrafi sebagai salah satu daripada cabang-cabang seni rupa Islam ini perlu dikekalkan dan dipupuk agar menjadi teras kesenian Islam yang boleh membawa kepada pengukuhan tamadun Melayu Islam di Malaysia dengan acuannya sendiri.

### **1.3     OBJEKTIF KAJIAN**

Pernyataan seni kaligrafi Islam di Malaysia telah memberi gambaran bahawa wujudnya kesenian di dalam Islam, dan bukti tersebarnya agama Islam di Alam Melayu ini melalui bidang penulisan. Seni kaligrafi Islam mempunyai sejarah dan perkembangannya sebagai pencetus tamadun Melayu di Malaysia. Semua ini terkandung dalam objektif kajian yang ingin dicapai oleh penulis di dalam kajian ilmiah ini, antaranya termasuklah :

1.     Menjadi wadah pengarisan yang jitu mengenai bidang seni kaligrafi Islam yang merupakan salah satu cabang daripada kesenian Islam yang dipengaruhi oleh unsur-unsur Islam.
2.     Memperlihatkan tujuan utama kaligrafi Islam, iaitu untuk pengekspresian ibadat seseorang hamba dan pengabdiannya kepada Allah s.w.t. Jadi kaligrafi Islam memegang peranan sebagai suatu tazkirah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan umat Islam.

3. Menyoroti seni kaligrafi Islam di Malaysia yang menjadi pencetus tamadun Melayu Islam ini mempunyai kesinambungan daripada tulisan Jawi yang terawal di Tanah Melayu. Tulisan menjadi sebahagian cerminan aspek ketamadunan sesuatu bangsa dan pendedahan melalui seni kaligrafi Islam ini akan memungkinkannya menjadi sebagai wahana perantaraan bagi menyampaikan sesuatu maksud tertentu.
4. Melihat aspek pencapaian dan penerimaan seni kaligrafi Islam dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia, yang tersebar luas dan dimanifestasikan melalui tulisan Jawi, ayat-ayat al-Quran, barang-barang hiasan, batu nisan dan ukiran-ukiran indah pada bangunan-bangunan utama, seperti masjid dan sebagainya. Penulisan kaligrafi, selain tulisan Cina, telah memancarkan taraf estetika kesenian Islam yang terunggul, kerana proses sejarah penulisannya telah melahirkan variasi model kaligrafi yang tinggi mutunya.
5. Seni kaligrafi Islam akan membuktikan keunikan tulisannya yang tersendiri. Malah, setiap butiran huruf yang dilakarkan itu mempunyai ekspresi dan mesej tauhid yang digambarkan menerusi bentuk-bentuk penulisannya yang diakulturasikan dari pengolahan alam semulajadi atau kosmos yang dihubungkan dengan kesucian Allah s.w.t dan kejamalanNya.
6. Kewajaran seni kaligrafi Islam yang berkembang di Malaysia telah menjadi titik tolak intipati telusnya ketamadunan Melayu Islam, melalui hubungannya dengan tulisan Arab dan Jawi, warisan daripada

kemuncaknya peradaban Islam di Alam Melayu pada sekitar abad ke-7 hingga ke-13 M.

## 1.4 METODOLOGI KAJIAN

Dalam melakukan sesuatu kajian ilmiah, metodologi merupakan perkara yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang sedang diteliti. Metodologi atau kaedah pengkajian ialah segala langkah dan prosedur yang diambil untuk mencapai objektif sesuatu kajian. Metodologi meliputi seluruh proses pengkajian.

Sehubungan itu, dalam pengkajian yang akan dilaksanakan nanti, penulis akan menggunakan metod-metod berikut :

1. Metod Pengumpulan Data
2. Metod Analisis Data

Selanjutnya, data-data primer akan diutamakan tanpa mengenepikan data-data sekunder.

### 1.4.1 Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan dan penafsiran terhadap data-data tersebut. Penulis menggunakan beberapa metod kajian untuk memperolehi maklumat yang tepat dan padat. Kajian ini lebih tertumpu kepada pendekatan kajian secara perpustakaan (*Library Research*) dan kajian lapangan (*Field Research*).

#### 1.4.1(a) Kajian Perpustakaan (Library Research)

Kaedah berdasarkan kajian perpustakaan atau *Library Research* digunakan untuk mendapatkan data, maklumat dan latar belakang bidang kajian, seperti definisi-definisi, nilai-nilai, dan konsep-konsep seni kaligrafi. Kajian perpustakaan adalah penting untuk mendapatkan gambaran asas terhadap bidang yang dikaji. Dalam kajian ini rujukan dijalankan ke atas buku-buku ilmiah, majalah, jurnal, kertas kerja, buku cenderamata dan lain-lain yang berkaitan dengan tajuk ini, sama ada yang ditulis oleh ahli akademik tempatan maupun luar negeri yang memiliki kewibawaan dalam bidang ini.

Penulis telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan dalam proses menyiapkan kajian ini, antaranya :

- a. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- b. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.
- c. Perpustakaan Awam, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- d. Perpustakaan Negara, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.
- e. Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor.

Dalam kajian perpustakaan ini, penulis telah menggunakan metod historis dan dokumentasi. Metod historis digunakan bagi mendapatkan data-data yang bersifat sejarah, termasuk dokumen-dokumen yang mempunyai kaitan dengan kajian ini, seperti untuk mendapatkan data-data dan maklumat tentang sejarah, latar belakang, dan perkembangan seni kaligrafi.

Manakala melalui metod dokumentasi pula, penulis cuba mengumpulkan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan

masalah yang diteliti. Antaranya ialah gambar, potret, otobiografi, surat-surat peribadi, dokumen-dokumen pemerintah dan dokumen-dokumen sejarah, seperti manuskrip, artifak dan bahan-bahan bertulis yang lain.

#### **1.4.1(b) Kajian Lapangan (Field Research)**

Penulis menggunakan kajian lapangan sebagai salah satu daripada metod pengumpulan data melalui wawancara-wawancara dan pengamatan pada tempat-tempat tertentu yang difikirkan dapat memberi maklumat kepada penulis berhubung dengan kajian yang dilakukan. Umpamanya, pemerolehan data-data melalui pameran-pameran seni kaligrafi Islam yang sering diadakan setiap tahun.

Penulis juga mengambil kesempatan melawat beberapa institusi yang bersangkutan dengan tajuk ini, umpamanya :

- a. Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur.
- b. Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- c. Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- d. Muzium Negeri Kelantan.
- e. Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- f. Balai Seni Lukis Negara.
- g. Balai Pameran Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- h. Persatuan Seni Khat Malaysia.
- i. Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Penulis turut mengadakan wawancara dengan beberapa orang yang dapat memberikan data mengenai perbahasan ini sama ada yang bertugas di Jabatan-Jabatan

Kerajaan, mahupun dengan individu-individu tertentu, khususnya tokoh-tokoh atau penulis seni kaligrafi Islam di Malaysia.

Metod pengamatan (observasi) pula digunakan untuk mendapatkan data-data yang saling lengkap melengkapi dengan data-data yang diperolehi melalui metod-metod yang lain.

#### **1.4.2 Metod Analisis Data**

Setelah data yang diperlukan terkumpul melalui metod-metod yang dinyatakan, penulis mula mengolah dan menganalisis data-data yang diperolehi untuk menyiapkan kajian ini. Oleh itu, penulis menggunakan metod-metod berikut, iaitu metod Induktif, Deduktif dan Komparatif.

##### **1.4.2(a) Metod Induktif**

Ia merupakan satu cara bagi menganalisis data melalui pola berfikir dalam mencari bukti keterangan daripada maklumat yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang lebih umum.

##### **1.4.2(b) Metod Deduktif**

Iaitu cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir dan mencari bukti melalui dalil serta bukti-bukti umum bagi mendapatkan maklumat yang khusus.

#### 1.4.2(c) Metod Komparatif

Metod ini digunakan bertujuan membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap beberapa data yang didapati semasa penelitian dijalankan. Data dan fakta itu akan dikumpulkan dan dibuat perbandingan secara saksama.

Melalui ketiga-tiga metod tersebut tadi, data-data yang diperolehi akan disusun mengikut matlamat dan objektif yang ditetapkan, berdasarkan spesifikasi bab-bab tertentu bagi mengkhususkan lagi penganalisaan data. Ini adalah penting untuk mengelakkan berlakunya pemerolehan data yang tidak berkaitan serta boleh mengelirukan pembaca. Analisis yan tepat akan menghasilkan kesinambungan bab dan hasil kajian yang berkualiti.

Suatu perkara yang amat penting dalam menggunakan metodologi ini ialah untuk membuat rekonstruksi bidang kajian ini secara terancang dengan mengumpulkan fakta-fakta, memberi penilaian atau penjelasan, serta mensintesiskan bukti-bukti untuk menegakkan fakta. Seterusnya ia akan digunakan oleh penulis sebagai matlamat akhir kajian untuk membuat kesimpulan dan saranan.

#### 1.5 SKOP KAJIAN

Perbincangan ini didahului dengan pengertian seni dalam Islam dan apakah yang dikatakan seni kaligrafi Islam itu sendiri. Ia memerlukan penulis merujuk beberapa buah buku yang berkaitan dengan kesenian Islam dan seni kaligrafi. Seterusnya kajian dibuat dengan mengkaji sejarah latar belakang dan pertumbuhan seni kaligrafi Islam. Penulis

juga turut mengaitkannya dengan perspektif doktrin agama dan sufisme untuk mengukuhkan lagi hujah-hujah yang berkaitan.

Kajian mengenai seni kaligrafi Islam di Malaysia dibuat dengan membataskannya kepada teori kedatangan dan perkembangan Islam di Alam Melayu. Kesinambungan ini nanti akan menjelaskan sejarah kemasukan tulisan Jawi yang seterusnya membawa kepada perkembangan kesenian kaligrafi Islam di Malaysia.

Kajian terhadap tokoh-tokoh pelopor seni kaligrafi Islam turut dilakukan berdasarkan jasa-jasa dan sumbangan mereka yang tidak ternilai dalam bidang ini. Kajian ini meliputi tokoh-tokoh seni kaligrafi Islam yang muncul terkemudian, atau tokoh-tokoh mutakhir.

Ruang lingkup kajian dibuat berdasarkan nilai-nilai seni kaligrafi dalam masyarakat Islam. Penulis mendapati masyarakat Malaysia hari ini memberi komitmen terhadap seni kaligrafi Islam. Ini terbukti melalui aktiviti-aktiviti berkaitan seni kaligrafi seperti pameran, pertandingan, dan kursus-kursus.

Seterusnya, kajian ini akan menjelaskan manifestasi dan aspek pemakaian seni kaligrafi Islam, khususnya di Malaysia, yang telah menjadi nadi kepada pencetusan sebuah tamadun Melayu Islam yang unggul di rantau ini, dengan menyelidik apakah bahan-bahan yang sering digunakan sebagai wadah terukirnya tulisan yang indah ini.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Apabila dikaitkan dengan kesenian Islam, akan tergambar bahawa kesenian itu sudah pastinya didominasi oleh masyarakat Islam khususnya. Seni kaligrafi Islam di Malaysia telah memancarkan warisan zaman peradaban Melayu yang unggul. Ini kerana kesenian ini telah didominasi oleh majoriti masyarakat Melayu Islam. Sebagai umat Islam, warisan ini perlu dipelajari dan diketahui sebagai simbol agama Islam yang menjadi tunggak peradaban Melayu.

Kajian mengenai kesenian kaligrafi ini juga penting bukan hanya untuk masyarakat Islam, malah juga untuk masyarakat bukan Islam di Malaysia, kerana penulis merasakan bahawa nilai estetika sesuatu kesenian dalam sesebuah peradaban manusia yang mencirikan faktor tulisan adalah merupakan milik keseluruhan masyarakat. Amat bersesuaian andainya masyarakat Malaysia, khususnya yang beragama Islam dan mengenali tulisan rumi, turut memiliki pengetahuan dalam kesenian kaligrafi Islam kerana ia merupakan cabang tulisan Jawi yang tertera di dalam al-Quran.

Kajian ini nanti akan memperlihatkan bagaimana kesenian kaligrafi itu yang mempunyai ciri-ciri Kalam Allah, Kalam Rasul dan Kalam Hakim, dihubungkan dengan konsep seni Islam yang murni. Kebenarannya juga menjadi idea kepada akal budi yang akhirnya akan menjadi asas justifikasi bangsa Melayu dalam konteks peradaban Melayu Islam. Kesenian yang berpangkal kepada Tauhid ini dilakarkan dalam pelbagai bentuk, dan dari aspek pemakaianya jelas terbukti bahawa kesenian kaligrafi ini merupakan kesenian Islam yang terunggul.

## 1.7 GELINTIRAN SUSASTERA

Setakat kajian yang telah dilakukan, penulis mendapati telah wujud beberapa bentuk penulisan dan kajian terdahulu yang mendiskusikan tentang kaligrafi Islam sebagai salah satu bentuk seni rupa Islam, yang ditulis oleh para intelejensi dalam negeri mahupun luar negeri yang memiliki kewibawaan dalam bidang tersebut.

Antara buku terpenting yang banyak membantu penulisan kajian ini ialah **Dari Teks Klasik Sampai Ke Kaligrafi Arab** karangan C. Israr (1985). Beliau telah memberi gambaran umum sejarah latar belakang dan pertumbuhan kaligrafi Arab. Secara kasarnya, karangan ini lebih membincangkan mengenai kesenian Islam yang unggul dan menjadi satu ciri ketamadunan. Turut disentuh ialah tokoh-tokoh terkenal dan klasifikasi kaligrafi berdasarkan tempat perkembangannya.

Isi kandungan ini hampir sama dengan apa yang terkandung dalam buku **Aspek-Aspek Kesenian Islam**, karangan Manja Mohd. Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, dan buku yang berjudul **Kaedah Menulis Dan Karya-Karya Master Kaligrafi Islam**, karangan Ali Akbar (1995), yang menjadi rujukan utama penulis. Terdapat penambahan di dalam karangan Ali Akbar, iaitu karyawan ini menyatakan bahawa kesenian kaligrafi Islam itu mempunyai hubungan yang rapat dengan perspektif doktrin agama dan perenungan para sufisme.

**Tamadun Islam** karangan Mustafa Haji Daud (1991) pula mempunyai tema penulisan yang hampir sama dengan C. Israr dari segi isi kandungannya. Namun, penulisan Mustafa Haji Daud lebih tertumpu kepada kepelbagaiannya pendapat mengenai asal-usul kaligrafi sebagai cabang kesenian Islam. Antaranya, beliau mengemukakan

pendapat yang mengatakan kaligrafi itu berasal daripada Allah s.w.t kepada manusia, iaitu Allah s.w.t mengajar ilmu dan cara menulis kepada Adam a.s. Penulisan beliau juga turut merumuskan kaedah penghasilan kaligrafi yang baik dan peralatan yang digunakan dalam penulisan tersebut.

Sebuah lagi buku karangan Albertine Gaur (1994), yang berjudul **A History Of Calligraphy** juga memaparkan perkara yang hampir sama, iaitu dari segi sejarah dan perkembangan kaligrafi, walaupun hanya terdapat sebahagian sahaja topik yang memfokuskan mengenai kaligrafi Arab. Namun ia cukup bermakna dalam membuat kajian ini, khususnya untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang dan sejarah kaligrafi Islam.

Bahan-bahan bacaan lain yang dirujuk bagi mengemukakan pandangan-pandangan ilmiah yang dirumuskan di sini secara umum, antara lainnya ialah **Seni Khat Islam: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia** karangan Suhibah binti Abd Aziz, iaitu latihan ilmiah yang dikemukakan untuk memenuhi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya sesi 1997/1998, dan **Nilai-Nilai Islam Dalam Kesenian Melayu** karangan Siti Salwa binti Soffian, iaitu latihan ilmiah yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya sesi 1996/1997.

Kertas Kerja Bengkel Seni Khat Universiti Kebangsaan Malaysia yang berjudul **Seni Khat Dalam Tamadun Islam** karangan Dr. Marzuki Hj. Mahmud (1982), antara lainnya menyatakan bahawa keindahan seni kaligrafi mempunyai perkaitan yang rapat dengan jiwa dan cita rasa keislaman. Ketajaman daya pemikiran manusia mencipta seni tulisan ini adalah berdasarkan penulisan yang menggunakan huruf-huruf al-Quran.

**Islamic Art In Southeast Asia 830 A.D.-1570 A.D.** karangan Zakaria Ali memaparkan kepada umum warisan peninggalan kesenian Islam di beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara, termasuklah Malaysia. Karangan ini sedikit sebanyak telah membantu penulis untuk meneliti hasil-hasil kesenian umat Islam yang relevan dengan kajian penulis dan sekaligus menjadi warisan untuk dihargai oleh masyarakat hari ini.

Perkara yang berkaitan dengan aspek kesenian Islam juga ditulis dalam bahasa Inggeris, seperti buku-buku **Islamic Designs** karangan Eva Wilson (1991), **The Decorative Art Of Arabia** karangan Jules Bourgoin (1989), **Geometric Concepts In Islamic Art** karangan Issam el-Said dan Ayse Parman (1988), **Calligraphy In The Art Of The Muslim World** karangan Anthony Welch (1979) dan **The Formation Of Islamic Art** karangan Oleg Grabar (1973).

Secara keseluruhannya, buku-buku di atas banyak membincangkan tentang seni dan estetika yang didokongi oleh kaligrafi Islam. Perkara-perkara yang dipilih untuk topik perbincangan pula lebih berkisar di sekitar citra seni Islam yang tercermin dalam karya-karya seni Islam terutamanya dalam seni bina yang selalunya tidak sepi daripada dekorasi bercorak floral ataupun geometri. Sifat dan corak seni Islam yang sangat tipikal ini pula dikaitkan dengan formula Tauhid (*dzikrullah*) sebagai tujuan akhir keseluruhan ibadah dalam Islam.

Sebagai kesimpulannya, walaupun terdapat penulisan terdahulu yang menjelaskan secara terperinci tentang seni kaligrafi Islam, namun ia tidak benar-benar menjurus ke arah topik kajian, sebagaimana yang ingin dilakukan oleh penulis. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa maklumat dan penulisan terdahulu banyak membantu

penulis, khususnya dalam membina landasan teori untuk menghasilkan suatu kajian ilmiah yang menepati tajuk kajian.